



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
MEJAR (K) DATUK MOHAMMAD UBAIDILLAH
BIN ENAM @ IMAN

Timbalan Presiden
MEJAR JENERAL DATO' PAHLAWAN HJ. ABU
SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)

Naib Presiden
AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN
MEJAR (K) HABIBULLAH BIN DATO' HJ.
AHMAD
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT

Setiausaha Kehormat
KAPTEN SHAHARUDDIN BIN SAMSI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

Penolong Bendahari
KU NORZAINUN BT DATO' HJ. IMAM ASMAWI

Ahli-ahli Jawatankuasa
ADILA BIN DATO' ABDULLAH
HJ. KHAIDZER BIN HJ. KEDAH
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN DATUK
HJ. ISHAK
ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI
DATO' MOHD BIN MOHAMED
DATUK MUHAMMAD SYAHRIL BIN ABU
BAKAR
AISHAH BINTI MAT DESA
DATO' DR. S. PRABAKARAN A/L K. SELVARAJU
MOHAMED IMRAN BIN MOHD AFZAL

Juruaudit Dalaman
MOHD HODORI B. SARBINI
HJ. ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR.
KARPAL SINGH

Pengerusi Negeri Selangor
DCP DATUK SALEHHUDIN BIN
ABD RAHMAN (B)

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR BIN HJ. MOHD NOAH

Pengerusi Negeri Perak
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

Pengerusi Negeri Kelantan
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

Pengerusi Negeri Terengganu
HJ. CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MEJAR (K) MUHAMMAD SYAFIQ BIN DATUK
ISHAK

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MEJAR (K) HJ. ADNAN BIN ABDULLAH

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR

Pengerusi Negeri Sembilan
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)

Pengerusi Negeri Sabah
NORJIE BINTI BUSU

Pengerusi Negeri Sarawak
NOOREHAIDAH BINTI ABDUL HASSAN

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2026(16)

12 MEI 2026

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-16/2026: **SAMBUTAN HARI SEKURITI KEBANGSAAN 2026 "WIRA 24/7" DAN** **"LARIAN HARI SEKURITI KEBANGSAAN 2026"**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) dengan sukacitanya akan menganjurkan Sambutan Hari Sekuriti Kebangsaan 2026 yang bakal diadakan pada 24 Julai 2026 sebagai satu platform penghargaan tertinggi kepada seluruh warga industri keselamatan yang telah memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan, kestabilan dan kesejahteraan negara terus terpelihara.

3. Sambutan ini dihasratkan menjadi acara tahunan utama industri keselamatan negara yang menghimpunkan pemain industri, agensi kerajaan, pemegang taruh, rakan strategik serta masyarakat dalam memperkukuhkan pengiktirafan terhadap peranan industri keselamatan negara. Antara objektif sambutan Hari Sekuriti Kebangsaan 2026, WIRA 24/7 adalah:

- Mengiktiraf jasa dan pengorbanan warga industri keselamatan** sebagai barisan hadapan yang memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan awam, premis, aset serta kesejahteraan masyarakat.
- Mengangkat martabat dan profesionalisme industri keselamatan** agar lebih dihormati, diyakini dan diiktiraf sebagai salah satu sektor strategik negara.
- Memberi penghargaan kepada pengawal keselamatan dan syarikat yang cemerlang** atas prestasi, integriti, komitmen dan sumbangan luar biasa kepada industri.
- Memperkukuhkan hubungan kerjasama antara pemain industri dan agensi kerajaan** dalam usaha memperkasakan standard serta tadbir urus industri keselamatan negara.

- e. **Menyemarakkan semangat kebersamaan dan solidariti industri** melalui platform penghargaan, jaringan profesional dan perkongsian aspirasi industri.
 - f. **Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan industri keselamatan** sebagai elemen penting dalam menyokong pembangunan ekonomi dan keselamatan negara.
4. Majlis ini juga dijangka akan diserikan dengan kehadiran YB Menteri Dalam Negeri sebagai Tetamu Utama, sekali gus mencerminkan pengiktirafan kerajaan terhadap kepentingan dan sumbangan industri keselamatan kepada negara.

5. Sehubungan itu, bagi merealisasikan Sambutan Hari Sekuriti Kebangsaan 2026 tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa PIKM akan melaksanakan sambutan tersebut menerusi dua (2) acara utama seperti berikut:

a. LARIAN HARI SEKURITI KEBANGSAAN 2026

- i. Tarikh program: **19 Julai 2026 (Ahad)**
- ii. Lokasi: Dataran DBKL, Kuala Lumpur
- iii. Merupakan pendahuluan (pra-acara) kepada Majlis Hari Sekuriti Kebangsaan 2026
- iv. Selain menjadi platform sukan komuniti berskala kebangsaan, program ini turut menyokong aspirasi Kementerian Belia dan Sukan dalam memperkasa sukan massa, menggalakkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti rekreasi serta memperkukuh kesejahteraan komuniti.
- v. Penyertaan larian ini terbuka kepada syarikat ahli PIKM, warga industri keselamatan, pengawal keselamatan, ahli keluarga serta orang awam sebagai simbol solidariti dan sokongan kepada industri keselamatan negara.

b. MAJLIS ANUGERAH & MAKAN MALAM HARI SEKURITI KEBANGSAAN 2026

- i. Tarikh program: **24 Julai 2026 (Jumaat)**
- ii. Lokasi: KLGCC Convention Centre
- iii. Pengisian utama program adalah seperti berikut:
 - Penyampaian Anugerah Hari Sekuriti Kebangsaan 2026
 - Majlis Makan Malam
 - Sesi jaringan strategik bersama pemegang taruh industri

6. Sehubungan itu, PIKM mengalu-alukan penyertaan syarikat ahli melalui penyertaan larian, pencalonan anugerah, pembelian meja serta sokongan penajaan bagi menjayakan Sambutan Hari Sekuriti Kebangsaan 2026 ini. PIKM berharap komitmen awal ahli untuk "simpan tarikh" (*save the date*) bagi memastikan penyertaan yang berimpak tinggi.

7. Sebagai makluman, butiran lanjut berkaitan kedua-dua acara tersebut akan dimaklumkan melalui hebahan rasmi seterusnya:

a. Larian Hari Sekuriti Kebangsaan 2026

Hebahan seterusnya akan merangkumi:

- Kaedah Pendaftaran dan Penyertaan
- Yuran Pendaftaran
- Kategori Larian
- Kit Peserta dan Aturcara Program

b. Majlis Makan Malam Hari Sekuriti Kebangsaan 2026

Hebahan seterusnya akan merangkumi:

- Kategori Pencalonan Anugerah dan Penyertaan
- Pakej Meja dan Kadar Penyertaan
- Peluang Penajaan Program
- Aturcara Majlis
- Maklumat Protokol dan Tatacara Majlis

8. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan program ini boleh diajukan kepada pihak Sekretariat PIKM melalui talian 03-7804 7359 / 03-7804 1733 atau e-mel di info@pikm.my.

Kerjasama dan sokongan berterusan daripada pihak Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan amatlah dihargai dan didahului dengan setinggi-tinggi penghargaan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**MEJAR (K) DATUK MOHAMMAD UB AidILLAH BIN ENAM @ IMAN
PRESIDEN**